

SILA SERTAKAN BERSAMA:-

1. Surat Permohonan (Rasmi).
2. 3 Set Pelan Lokasi.
3. Borang Permohonan & Pengiraan



Tarikh Diterima:

**BORANG PERMOHONAN & PENGIRAAN BAYARAN PERMIT
PENGOREKAN JALAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**

Bil. Kami :

Tarikh :

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar,
Jalan Taiping,
33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.
(U/P: Jabatan Kejuruteraan)

Tuan,

Merujuk kepada perkara di atas, pihak kami memohon kelulusan untuk menjalankan kerja-kerja berikut :-

A	PEMOHON	
Nama	HILMY LAZMAN BIN KHAIRUL ANUAR	No. K/P : 000612-08-0487
Syarikat	APEX COMMUNICATION SDN BHD	
Alamat	MENARA HAPSENG, 12, 1, JLN. P. RAMLEE, KUALA LUMPUR	
Pegawai ditapak kerja		
Jawatan		
No. Tel : 011-63739648	No. Tel Pej: 03-21488810	No Tel Rumah:

B	BUTIR KERJA		
	Kerja Jalan	Meter Lebar	Meter Panjang
1.	Siarkaki Jalan		
2.	Kawasan Jalan (Carriageway)		
3.	PENANAMAN TIANG Bahu Jalan (Side Table)		762 METER
Nama Jalan : RANCANGAN PERUMAHAN AWAM 2 & 3 MANONG			
Tarikh mula kerja :		Tarikh siap kerja :	

* Kerja pengorekan jalan hanya boleh dimulakan setelah permit pengorekan jalan diluluskan


Di dalam masa kerja dijalankan, pihak kami bertanggungjawab ke atas kerja tersebut serta memastikan keselamatan pengguna terjamin dan juga akan menyelenggara semula kawasan yang dikorek dengan menutup semula menggunakan bahan timbusan yang diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Jika kerja tersebut dibuat di kawasan jalan (carriageway), lubang gali yang dikorek itu akan dibaiki semula sehingga sempurna dan disahkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebelum kerja premix dijalankan.

KONTRAKTOR		
Nama		No. K/P :
Syarikat		
Alamat		
Pegawai ditapak kerja		
Jawatan		
No. Tel :	No. Tel Pej:	No Tel Rumah:

Bersama-sama ini juga dilampirkan tiga (3) salinan pelan lokasi yang lengkap.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,



(Tandatangan Pemohon)



Cop Jabatan / Syarikat

**SYARAT MPKK
LAMPIRAN ('A')**

PENANAMAN TIANG / KABEL / PAIP

1. Tiang, kabel atau paip hendaklah diletakkan tidak kurang daripada satu 1.5 meter dari tepi rizab jalan dalam kawasan rizab jalan. Talian atas yang menyeberangi jalan hendaklah tidak kurang daripada 6 meter tinggi dari muka jalan dan jarring keselamatan hendaklah diadakan.
2. Sekiranya syarat (1) di atas tidak dapat dipatuhi, maka kebenaran khas daripada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar hendaklah diperolehi dahulu sebelum memulakan sebarang kerja.
3. Pihak tuan dikehendaki memasang papan-papan tanda bagi jajaran tiang, kabel atau paip terlebih dahulu untuk Yang Dipertua memeriksa dan memberikan kelulusan sebelum kerja penanaman dapat dimulakan. (Klausa ini hendaklah dibaca bersama fasa 6.6 syarat ini).
4. Dawai umbang (stay wire) tidak boleh digunakan di tempat yang lebih dekat di antara tiang elektrik dan tepi jalan.
5. Garisan bangunan/pencawang hendaklah diletakkan tidak kurang darimeter dari tengah rizab jalan.

**SYARAT MPKK
LAMPIRAN ('B')****ROAD CROSSING**

1. Semua kabel dan paip bawah tanah yang menyeberangi jalan, hendaklah dilakukan dengan cara 'tunnelling' (horizontal drilling). Cara pelaksanaan kerja adalah yang ditetapkan seperti berikut :-

**1.1 SYARAT-SYARAT BAGI KERJA - KERJA 'TUNNELLING'
(HORIZONTAL DRILLING)**

- Dimana kabel atau paip bawah tanah yang menyeberangi jalan, cara 'tunnelling' hendaklah dilakukan dengan cara menanam kabel atau paip sedalam tidak kurang daripada satu (1) meter dari paras jalan.
2. Kerja-kerja pemotongan terbuka tidak dibenarkan kecuali untuk paip atau kabel yang melebihi 375mm yang mana cara 'tunnelling' tidak dapat dilakukan, Syarat-syarat kerja adalah seperti berikut:-

**2.1 SYARAT-SYARAT BAGI PEMOTONGAN TERBUKA (OPEN
EXCAVATION) DI PAVEMENT JALAN**

- 2.1.1 Kerja-kerja pemotongan hendaklah dilakukan dengan cara 'clean-cut with diamond saw'.
- 2.1.2 Hanya satu (1) pemotongan terbuka melintasi jalan dibenarkan pada setiap satu masa.
- 2.1.3 Yang Dipertua hendaklah berpuas hati dengan setiap kerja pemulihan yang dilakukan kepada jalan yang telah dipotong sebelum kebenaran untuk membuat pemotongan jalan yang lain diberikan.
- 2.1.4 Kerja-kerja 'backfilling' di bawah pavement jalan hendaklah dilakukan hanya dengan pasir sahaja (pasir sungai/lombong) serta dimampat dengan sempurna dengan menggunakan 'hard compactor'. Lain-lain bahan tidak dibenarkan sama sekali. Semua bahan-bahan penambakan semula hendaklah berada di tapak bina sebelum kerja pengorekan dibenarkan.

- 2.1.5 Pembaikan ke atas permukaan jalan hendaklah dengan menambah crusher run 'B' (60% batu saiz tidak lebih dari 50mm dan 40% habuk kauri) setebal 225mm dimampat sehingga padat serta diturap semula dengan premix setebal 75mm.
 - 2.1.6 Lubang-lubang pengorekan hendaklah disediakan 'shuttering' yang mencukupi untuk mengelakkan retakan dan keruntuhan jalan.
 - 2.1.7 Semua bahan tanah yang dikorek hendaklah dibuang dengan serta merta. Longgokan di bahu jalan dan di atas pavement jalan tidak dibenarkan. Penggunaan semula bahan korekan adalah dilarang sama sekali.
 - 2.1.8 Semua kerja-kerja pemulihan ke atas tapak jalan (road base) dan pavement hendaklah mengikut ketentuan jalan sedia ada atau mengikut arahan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.
 - 2.1.9 Pemulihan yang tidak memuaskan hendaklah dibuat semula.
 - 2.1.10 Keseluruhan jalan yang diturap selepas kerja penanaman dijalankan bagi menentukan pemulihan semula keseluruhan jalan tersebut hendaklah sama rata dengan keadaan jalan yang sedia ada.
3. Semua 'road crossing' hendaklah bersudut tepat dengan jalan.

4. **LENCONGAN**

- 4.1 Pihak tuan hendaklah memastikan agar lalulintas (2 laluan) dapat berlalu pada setiap masa ketika kerja-kerja penanaman dijalankan. Jika lencongan jalan diperlukan, ianya hendaklah disediakan bagi tujuan tersebut dengan memastikan kelebaran jalan yang dilencong adalah tidak kurang dari 5 meter lebar untuk membolehkan lalulintas berlalu pada setiap masa. Segala kos perbelanjaan untuk mengadakan lencongan ini adalah ditanggung oleh pihak tuan sendiri. (Rujuk "Arahan Teknik (Jalan) 2C/85)
- 4.2 Kawasan yang digunakan semasa lencongan jalan hendaklah dibersihkan kepada keadaan asal apabila kerja-kerja telah siap.

**SYARAT MPKK
LAMPIRAN ('C')****PENGOREKAN DI BAHU JALAN**

1. **SYARAT-SYARAT BAGI PEMOTONGAN TERBUKA (OPEN EXCAVATION) DI BAHU JALAN DAN RIZAB JALAN.**
 - 1.1 Hanya satu (1) pemotongan terbuka pada bahu jalan dibenarkan pada setiap satu masa.
 - 1.2 Yang Dipertua hendaklah berpuas hati dengan setiap kerja pemulihan yang dilakukan kepada bahu jalan sebelum kebenaran untuk membuat pengorekan yang lain diberi.
 - 1.3 Kerja-kerja pemulihan hendaklah dilakukan dengan menambak satu (1) lapisan pasir setebal 300mm.
 - 1.4 Paip kabel diletak separuh terbenam di atas lapisan pasir tersebut sebelum ianya ditimbus kembali (backfill)
 - 1.5 Semua 'backfilling' adalah dari bahan yang diluluskan dan dipadat secara lapisan dengan setiap lapisan 225mm tebal.
 - 1.6 Lubang-lubang pengorekan hendaklah disediakan 'shuttering' yang mencukupi untuk mengelak retakan dan keruntuhan jalan.
 - 1.7 Semua bahan-bahan yang telah dikorek sekiranya diterima sebagai bahan penambak hendaklah dilonggokkan dengan baik ditepi bahu jalan, dan tidak dibenarkan dilonggok di atas turapan jalan. Bahan korekan yang tidak sesuai hendaklah dituang dari kawasan kerja dengan serta merta selepas pengorekan.
 - 1.8 Tindakan segera hendaklah dilakukan ke atas semua kerja pemulihan. Pemulihan yang tidak memuaskan hendaklah dilakukan semula.
 - 1.9 Keseluruhan bahu jalan yang dibaiki selepas kerja-kerja penanaman dijalankan bagi menentukan pemulihan semula keseluruhan bahu jalan hendaklah sama rata (flush) dengan keadaan jalan yang sedia ada.

**SYARAT MPKK
LAMPIRAN ('D')****KAWALAN TRAFIK/LALULINTAS**

1. Dua orang pengawal papan tanda isyarat BERHENTI – JALAN (STOP-GO PADDLE) disediakan untuk mengawasi lalulintas selorong di setiap tempat di mana pemotongan jalan secara terbuka dijalankan.
2. Papan-papan tanda dan lain-lain alat kawalan lalulintas hendaklah diadakan. Lampu isyarat Amaran Kelip-kelip (flashing warning lamps) yang mengikut piawaian MPKK dipasang di tempat yang sesuai untuk memberi amaran dan panduan kepada lalulintas terutamanya di waktu malam.

TANGGUNGJAWAB DAN TANGGUNGAN

1. Pihak tuan hendaklah mengemukakan kepada Yang Dipertua satu set lukisan yang menunjukkan turutan pembinaan berperingkat (sequence of contraction stages) serta muka keratan bahagian jalan yang terlibat dengan penanaman kabel atau paip.
2. Semua kerosakan kepada harta kerajaan dan lain-lain yang disebabkan oleh pekerjaan tuan. Kontraktor tuan adalah menjadi tanggungjawab tuan sepenuhnya.
3. Tuan akan bertanggungjawab atas segala tuntutan akibat kemalangan yang berlaku pada masa kerja tersebut dijalankan. Oleh yang demikian, kontraktor tuan yang menjalankan kerja dalam rizab jalan mesti memiliki 'Public Liability Insurance Policy' untuk mengganti rugi (indemnify) Kerajaan. Salinan polisi insuran hendaklah dihantar kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebelum kerja bermula untuk simpanan dan makluman.
4. Kerja-kerja 'reinstatement' hendaklah dijalankan oleh pihak tuan mengikut penentuan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Sekiranya, pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak berpuas hati dengan kerja-kerja tersebut dan pihak kami mengambil tindakan untuk memperbaikinya, segala kos ke atas semua perbelanjaan akan dikenakan ke atas tuan.
5. Sebarang kerosakan terhadap jalan tersebut di dalam masa enam (6) bulan selepas kerja pemulihan jalan dilakukan oleh tuan adalah ditanggung oleh pihak tuan dan jalan tersebut hendaklah dibaiki dengan segera.
6. Pihak tuan hendaklah memohon kepada Yang Dipertua dengan menggunakan Borang sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum kerja-kerja penanaman / pengorekan dijalankan supaya satu (1) pemeriksaan bersama dapat diadakan bagi menentukan semuanya

berada dalam keadaan teratur. Pihak tuan juga dikehendaki untuk memberitahu Yang Dipertua dua (2) hari sebelum kerja sebenar dilaksanakan bagi tujuan pengawasan.

7. Jika di masa-masa akan datang, tiang, kabel atau paip itu terlibat dengan kerja-kerja pembesaran / penyelenggaraan jalan tersebut, maka segala perbelanjaan untuk mengalih / mengubahsuai kedudukannya adalah tanggungan pihak tuan sendiri.
8. Sekiranya tidak memulakan pemasangan dalam satu (1) tahun dari tarikh kelulusan ini diberi, permohonan yang baru hendaklah dimajukan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan semula.
9. Borang sebanyak tiga (3) salinan hendaklah diisi dan dikembalikan ke pejabat ini untuk makluman.

PENANAMAN PAPAN TANDA / IKLAN

1. Kawasan simpanan jalan *Persekutuan / Negeri adalah *40 meter / 30 meter.
2. Papan tanda / iklan hendaklah diletakkan tidak kurang daripada *20 meter / 15 meter dari tangan simpanan jalan *Persekutuan / Negeri yang sedia ada.
3. Papan tanda / iklan tidak boleh didirikan di mana-mana tempat yang boleh menghalang penglihatan dan juga yang boleh mengelirukan pengguna jalan raya yang berada di simpang jalan yang paling dekat.
4. Papan tanda / iklan yang didirikan di dalam lot orang lain, maka surat kebenaran dari tuan punya tanah diperlukan dan dihantar ke pejabat ini.
5. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kerosakan (jika ada) harta awam atau harta persendirian. Semua kerosakan-kerosakan tersebut hendaklah diperbaiki oleh pemohon di atas perbelanjaan sendiri.
6. Tidak dibenarkan menyimpan bahan-bahan binaan di tepi jalan dalam jarak 10.5 meter dari garisan tangan simpanan jalan.
7. Setelah kerja-kerja pemasangan papan tanda / iklan siap, semua bahan-bahan binaan dan sampah sarap yang sedia ada di tempat kerja mestilah dibuang dan dibersihkan oleh pemohon sendiri.
8. Perkataan-perkataan, simbol-simbol dan gambar-gambar yang digunakan dalam papan tanda / iklan tidak boleh mengganggu perhatian pemandu-pemandu.
9. Warna yang digunakan tidak 'reflective' dan tidak dibenarkan didirikan berhampiran dengan papan-papan tanda jalan raya yang sedia ada.
10. Pemohon adalah dipertanggungjawab di atas penyelenggaraan semasa papan tanda ini di dalam kegunaan dan membuka semula jika ianya tidak digunakan lagi.
11. Pemohon hendaklah menanggung segala kos perbelanjaan untuk merobohkan papan tanda / iklan sekiranya MPKK mengkehendaki kawasan tersebut untuk melebarkan ataupun membuat lencongan baru ke atas jalan raya yang sedia ada pada bila-bila masa yang akan datang.
12. Bagi jalan-jalan yang tidak diawasi oleh pihak MPKK seperti jalan-jalan di Jalan Persekutuan, Jalan, Negeri, Jalan Kampung, kebenaran untuk

mendirikan papan tanda / iklan di tepi jalan ini haruslah diperolehi penganjur dari pihak yang berkenaan.

13. Sebelum pemasangan sesuatu papan tanda / iklan dibuat, pemohon adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan Yang Dipertua di tempat berkenaan terlebih dahulu.
14. Kerajaan berkuatkuasa membatalkan semua kebenaran untuk pembinaan papan tanda / iklan ini dengan tidak memberi apa-apa amaran jika perlu kelak.

**GARIS PANDUAN BAGI MEMOHON KELULUSAN SERTA PERMIT UNTUK
KERJA-KERJA MENGOREK DI DALAM RIZAB JALAN**


1. Pihak pemohon mesti memohon secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Wisma MPKK, Jalan Taiping, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan untuk perhatian Jabatan Kejuruteraan.
2. Di dalam surat tersebut pihak pemohon mesti mencatatkan butir-butir seperti berikut :
 - 2.1 Kerja tersebut sama ada dibuat tempat siarkaki, bahu jalan di atas jalan atau merintang jalan.
 - 2.2 Nama dan alamat kontraktor yang akan melakukan kerja-kerja tersebut.
 - 2.3 Tempoh masa kerja tersebut dilakukan.
 - 2.4 Lebar dan panjang lubang gali yang akan dibuat.
3. Jabatan ini memerlukan lima (3) salinan pelan tapak yang lengkap untuk proses kelulusan serta permit.
4. Pelan yang lengkap adalah pelan yang mengandungi :-
 - 4.1 Nama jalan laluan kabel atau paip.
 - 4.2 Nama jalan sekitar tapak cadangan tersebut.
 - 4.3 Menunjukkan skil, nombor pelan dan petunjuk. Skil hendaklah 1 : 400 atau apa-apa skil yang diminta oleh Jabatan.
 - 4.4 Menandakan dengan terang cadangan iaitu sama ada di atas tempat siarkaki jalan (paved footpath), bahu jalan atau merintang jalan.
 - 4.5 Cadangan kerja baru hendaklah ditandakan dengan warna merah.
 - 4.6 Tanda-tanda (objek) sedia ada di atas tanah seperti Masjid dan seumpamanya di sekitar tapak cadangan untuk rujukan.
5. Pihak pemohon mesti melampirkan wang pembayaran untuk membaikpulih bahu jalan ataupun wang pembayaran untuk membaikpulih jalan dalam 'banker's cheque' atau secara tunai.


6. Kadar Kos dan Fi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang telah ditetapkan.

Bil.	Jenis Korekkan	Kadar (RM)
1.	Korekkan di bahu jalan	18.00 semeter panjang
2.	Korekkan di laluan jalan berturap	100.00 semeter persegi m ²
3.	<i>Horizontal Direct Drilling (HDD)/ Pipe Jacking</i>	100.00 seunit (<i>pit</i>)
4.	Korekkan <i>Micro Trenching</i> (Purata lebar 300mm)	100.00 semeter panjang
5.	Kerja Naiktaraf Lurang (<i>Manhole</i>) tidak termasuk kerja korekkan	50.00 seunit
6.	Cagaran	5% dari nilai fi atau RM2,000.00 mana yang terendah

12. Pihak pemohon dinasihatkan supaya kerja-kerja seperti menanam / siarkaki kabel-kabel /paip-paip air induk / paip-paip pembentungan / paip-paip longkang bebendul di atas bahu jalan (side table) siarkaki jalan. Sekiranya kerja-kerja tersebut dicadangkan di atas jalan dan pihak kami mendapati kerja-kerja tersebut boleh dibuat di bahu jalan / siarkaki jalan, maka permohonan tersebut akan ditolak.
13. Surat permohonan berserta dengan pelan dan 'banker's cheque' hendaklah diserahkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Wisma MPKK, Jalan Taiping, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.
14. Sekiranya kerja-kerja dibuat tidak mengikut pelan yang diluluskan bayaran tambahan akan dikenakan jika ianya melebihi kerja-kerja yang diluluskan.

Spesifikasi Keratan Rentas Jalan



	JABATAN KEJURUTERAAN (MPKK)
	Pengurusan Permohonan Permit Pengorekkan Jalan Selenggaraan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
	BORANG MEMATUHI SYARAT – SYARAT KELULUSAN

Ruj. Kami :

Tarikh :

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar,
Wisma MPKK, Jalan Taiping,
33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,



PEMATUHAN SYARAT-SYARAT PERMIT PENGOREKAN JALAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Merujuk kepada perkara di atas, saya dengan ini mengesahkan telah menerima dan faham dengan syarat-syarat kelulusan dari jabatan tuan. Saya mengaku dan berjanji akan mematuhi semua syarat tersebut.

2. Saya juga faham bahawa Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berkuasa memberhentikan kerja-kerja tersebut dengan serta merta dan terus membatalkan kelulusan yang telah diberikan itu jika sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan di dalam surat kelulusan ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang benar,
Pelanggan,

Disaksikan oleh Agensi

.....



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
JABATAN KEJURUTERAAN

LAPORAN / ULASAN LAWATAN PEMERIKSAAN TAPAK DAN PELAN PERMOHONAN

No. Fail : MPKK / KJ / xxx

Tarikh Permohonan :

Tarikh Lawatan Tapak :

Tajuk Permohonan:
.....

Syor / Komen Tambahan :

Ulasan Penolong Pegawai Senibina :- (Permit Korek Jalan)

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh:

.....

Tandatangan



Perakuan/Ulasan Ketua Jabatan Kejuruteraan,

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh:

.....

Tandatangan



Kelulusan Yang Dipertua,


.....
.....
.....

Tarikh:

.....


Tandatangan



	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	1 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03

REKOD PINDAAN DOKUMEN

Bil	No. Keluaran / Pindaan	Tarikh	Keterangan Pindaan	Muka Surat	Diluluskan Oleh
1.	01 / 02	1/10/2021	Pindaan kepada nama Ketua Jabatan Kejuruteraan, Wakil Pengurusan dan Yang Dipertua serta pembetulan perkataan.	5 hingga 10	Yang Dipertua, MPKK
2.	01 / 03	17/6/2024	Pindaan kepada tanggungjawab PPSB membuat siasatan tapak dan laporan pada asalnya adalah PJ (Penolong Jurutera)	6	Yang Dipertua, MPKK
3.	01 / 03	17/6/2024	Pindaan KJK Membuat semakkan atau syarat-syarat tambahan pengorekan jalan dan memperakui permohonan tersebut.	6	Yang Dipertua, MPKK
4.	01 / 03	17/6/2024	Yang DiPertua, MPKK menandatangani surat permit pengorekan untuk dikemukakan kepada Pemohon	7	Yang Dipertua, MPKK

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR				
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN				
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	2 daripada 9	
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	03

1.0 OBJEKTIF


Tujuan prosedur ini adalah bertujuan bagi memastikan kelulusan permit pengorekan jalan di **Majlis Perbandaran Kuala Kangsar** supaya dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur, berkesan, mematuhi semua peraturan-peraturan dan kehendak teknikal serta undang-undang yang telah ditetapkan menepati kesemua kehendak-kehendak dan peraturan yang ditetapkan di dalam Undang-Undang Kecil Kerja Tanah PBT (Negeri Perak), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Pindaan hingga 15hb November 2006)

2.0 SKOP

Prosedur ini diguna pakai oleh **Majlis Perbandaran Kuala Kangsar** dalam mengurus proses permohonan permit korekan jalan-jalan kawasan selenggaraan Majlis dalam kawasan **Majlis Perbandaran Kuala Kangsar**.

3.0 RUJUKAN

- | | | | |
|-----|----------------------------|---|--|
| 3.1 | Standard MS ISO 9001: 2015 | - | Klausa 7.5 & 8.5.1, Informasi didokumen & Kawalan Proses |
| 3.2 | Manual Kualiti MPKK | - | MPKK/MK-01 |
| 3.3 | Akta 56/1965 | - | Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan hingga 10hb Mac 2009) |
| 3.3 | Akta 133 | - | Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan hingga 10hb April 2009) |
| 3.4 | Akta 171 | - | Akta Kerajaan Tempatan 1976 |

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	3 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03

- 3.5 Akta 172 (Pindaan hingga 15hb November 2006)
 - Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Pindaan hingga 15hb September 1998)
- 3.6 Akta 118
 - Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Perlesenan) 1966 & Peraturan-Peraturan (Pindaan hingga 5hb Febuari 2009)
- 3.7 Akta 318
 - Akta Hakmilik Strata 1985 (Kaedah-kaedah & Perintah) (Pindaan hingga 5hb Mei 2009)
- 3.9 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan hingga 15hb Januari 2009)
- 3.10 Pekeliling / Surat Pekeliling yang diedarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan dan masih berkuatkuasa.
- 3.11 Dasar-dasar dan polisi Majlis yang berkaitan dan masih berkuatkuasa.


4.0 DEFINISI

4.1 Jalan

Termasuklah sesuatu jalan, medan, siarkaki atau jalan lalu, jalan susur, samaada jalan tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan.

4.2 Parit

Termasuklah parit air permukaan dan parit hujan lebat, pembedung, salur dan alur air.

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR				
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN				
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	4 daripada 9	
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	03

4.3 Pemohon


Adalah daripada agensi utiliti, individu, perunding atau pemaju yang hendak melaksanakan kerja-kerja korekan jalan di bawah penyelenggaraan Majlis.

4.4 Keperluan Kelulusan

Merangkumi keperluan perundangan dan keperluan teknikal iaitu akta-akta, undang-undang kecil dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan dan negeri.


4.5 Ulasan Teknikal

Pandangan/komen/kehendak/keperluan jabatan teknikal dalaman dan luaran yang berkaitan perancangan dan pembangunan.

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	5 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03


5.0 SINGKATAN

- | | | | |
|-----|--------|---|---------------------------------------|
| 5.1 | YDP | - | Yang Di Pertua |
| 5.2 | SU | - | Setiausaha |
| 5.3 | KJK | - | Ketua Jabatan Kejuruteraan |
| 5.4 | PPSB | - | Penolong Pegawai Senibina |
| 5.5 | PT (P) | - | Pembantu Tadbir (Kawalan Pembangunan) |
| 5.7 | PRA | - | Pembantu Rendah Awam |

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	6 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03

6.0 PERINCIAN PROSEDUR

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN
PT (KAWALAN PEMBANGUNAN)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima permohonan daripada agensi utiliti, individu, perunding atau pemaju yang hendak melaksanakan kerja-kerja korekan jalan di bawah penyelenggaraan Majlis. Pastikan perkara-perkara berikut ada:- <ol style="list-style-type: none"> a) Surat permohonan b) 3 salinan pelan lokasi serta diwarnakan / ditandakan kawasan yang dikorek. c) Borang makluman korekan jalan 2. Jika tidak lengkap kembalikan kepada pemohon. 3. Jika dokumen lengkap, permohonan tersebut didaftar di dalam buku daftar. 	
PPSB	<ol style="list-style-type: none"> 4. Membuat siasatan tapak dan laporan memastikan samada kawasan majlis dan tidak mengganggu perancangan pembangunan / infrastruktur pada masa hadapan. 	
KJK	<ol style="list-style-type: none"> 5. Membuat semakkan atau syarat-syarat tambahan pengorekan jalan dan memperakui permohonan 	

	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	7 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03

	tersebut.	
PPSB	6. Meyediakan surat ulasan permit pengorekkan serta pematuhan syarat yang lengkap kepada pemohon beserta saliran resit bayaran.	
YDP	7. Menandatangani surat permit pengorekkan untuk dikemukakan kepada Pemohon.	

7.0 REKOD BERKAITAN

BIL.	REKOD	TEMPOH PENYIMPANAN	LOKASI
1.	Buku Pendaftaran Izin Lalu (Pengorekkan Jalan)	Tiada dihadkan	Jabatan Kejuruteraan
2.	Fail Permohonan Izin Lalu (Pengorekkan Jalan)	s.d.a	Jabatan Kejuruteraan
3.	Pelan yang telah diluluskan	s.d.a	Jabatan Kejuruteraan





MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN

NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	8 daripada 9	
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	03

8.0 CARTA ALIRAN



	MALJIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR			
	PROSES PERMIT PENGOREKAN JALAN			
NO. PROSEDUR	MPKK/JJ/PU-03		MUKA SURAT	9 daripada 9
TARIKH KUATKUASA	17 JUN 2024	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN 03

9.0 LAMPIRAN

1. MPKK/JJ/PU-03 (3) – Borang Permohonan Korek Jalan